

16/09/1998

Yakin ditangkap selepas Sukan Komanwel

NILAI, Selasa - Datuk Anwar Ibrahim malam ini melahirkan keyakinannya beliau akan ditangkap selepas Sukan Komanwel atas dakwaan mengkhianati negara.

Berucap di Kampung Jijan dekat sini malam ini, Anwar percaya beliau tidak akan ditangkap atas alasan moral.

Menurutnya, walaupun sudah dua minggu dipecat daripada Kabinet dan Umno, sampai sekarang pihak berkuasa belum mempunyai bukti atas segala tuduhan yang dikenakan ke atasnya.

Beliau juga mendakwa, polis terpaksa mencari bukti selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir membuat tuduhan ke atasnya.

Selain itu, Anwar meminta pihak berkuasa menyiasat kenyataan Pengarah Eksekutif Perhubungan Awam Magnum Corporation Berhad, Datuk S Nallakaruppan kononnya dipaksa untuk membuat pengakuan bersabit dengan kesalahan beliau.

"Kalau mahu siasat...biar adil. Siasat dua tiga orang yang dikatakan memaksa Nalla membuat pengakuan," katanya.

Anwar juga menganggap hakim yang akan mengadilinya nanti tidak akan berlaku adil.

Menurutnya, beliau yakin perkara itu akan berlaku kerana pernah berada di dalam kerajaan.

Anwar bagaimanapun menolak dakwaan bahawa beliau menghasut rakyat dalam ucapannya selama ini, sebaliknya beliau dihasut rakyat yang mahukan keadilan ditegakkan.

Dalam ucapannya malam ini, beliau lebih banyak memainkan perasaan rakyat dengan mengungkit pelbagai kebaikan yang dilakukannya ketika berada dalam kerajaan.

Ia termasuk menjayakan pelbagai program pembasmian rakyat termiskin dan projek perumahan kos rendah.

(END)